



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

*Parliamentary Debates*

## KAMAR KHAS

*Special Chamber*

PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA

---

**Bil. 42**

**Rabu**

**8 November 2017**

---

## K A N D U N G A N

### **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):**

- **Bencana Ribut Kencang dan Banjir Yang Paling Teruk  
Melanda Negeri Pulau Pinang pada 4 dan 5 November 2017**  
– *YB. Tuan Ng Wei Aik (Tanjong)*

[Halaman 1]

### **UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:**

- **Pencemaran Udara Akibat Perlepasan Habuk Simen  
oleh Kilang Simen Tasek, Ipoh**  
– *YB. Tuan Su Keong Siong (Ipoh Timur)*

[Halaman 24]

**MALAYSIA  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA  
Rabu, 08 November 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT  
DI BAWAH P.M. 18(1)**

**Bencana Ribut Kencang dan Banjir Yang Paling Teruk  
Melanda Negeri Pulau Pinang pada 4 dan 5 November 2017**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan untuk dibahas pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasaan usul ini. Pihak pencadang akan diberikan masa 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi kawasan Tanjong, sila kemukakan.

**2.35 ptg.**

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membentangkan satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) yang berkenaan dengan bencana ribut kencang dan banjir di Pulau Pinang. Ini merupakan satu insiden yang amat teruk dalam sejarah negeri Pulau Pinang. Usul ini dibentang bagi pihak seluruh rakyat negeri Pulau Pinang, di mana saya membentang usul ini dengan hati yang penuh sedih dan berat kerana sehingga saat ini, masih banyak lagi rakyat Pulau Pinang yang masih ditenggelami oleh air dan tidak dapat dikembalikan ke rumah mereka.

Saya rasa usul ini perlu diangkat untuk mendapat perhatian yang segera dan serius daripada Kerajaan Persekutuan di mana setakat ini di peringkat negeri Pulau Pinang, kita masih kekurangan banyak kekuatan anggota dan juga peralatan dan

semua perkakas yang diperlukan untuk menangani kesan-kesan yang dibawa oleh air banjir ini. Jikalau banyak sampah telah dicipta daripada banjir ini dan jikalau tidak dapat dibersihkan dengan segera, jadi ia akan membawa banyak penyakit dan bakteria akan merebak. Jadi, ini merupakan satu isu yang amat genting dan memerlukan tindakan segera daripada pihak Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting di sini adalah selalu yang diminta oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah peruntukan untuk projek-projek tebatan banjir, di mana dari Rancangan Malaysia Kesembilan sampai ke Rancangan Malaysia Kesebelas, RM2.6 bilion telah dijanjikan untuk projek-projek tebatan banjir. Akan tetapi malangnya sehingga hari ini, hanya RM1.04 bilion yang dibelanjakan. Memang ini bermaksudnya bahawa masih ada lebih kurang RM2.5 bilion walaupun dirancang, dijanji tetapi belum dapat dilaksanakan. Ini satu masalah yang begitu besar. Sudah lebih kurang 18 tahun dari tahun 2006 sampai 2017, 17 atau 18 tahun ini sudah bertukar tiga Menteri untuk Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tetapi banyak projek yang dijanjikan belum dapat dilaksanakan.

Jadi, walaupun kerajaan negeri semasa kelmarin dalam lawatan Perdana Menteri ke Pulau Pinang, Ketua Menteri minta supaya pertimbangan sekali lagi oleh Perdana Menteri, supaya apa yang dijanjikan ini dapat disalurkan dengan cepat. Akan tetapi apa yang dijanjikan oleh Perdana Menteri masih dalam pertimbangan. Kerajaan Persekutuan masih dalam pertimbangan kerana apa yang telah dirancang belum sepastinya dapat disalurkan dengan segera kerana ada masalah dari segi kemampuan kewangan Kerajaan Persekutuan. Jadi saya hendak tanya, apa masalah dengan kemampuan kewangan? Ini sudah dirancang sebegitu lama tetapi mengapa wang tidak disediakan? Jikalau wang tidak dapat disediakan, mengapa ini dirancang secara awal-awal dahulu? Jadi ini satu masalah yang besar, di mana saya berharap satu jawapan yang lebih konkrit dapat diberikan oleh Menteri yang akan menjawab usul saya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, memang sekarang dengan perubahan iklim sedunia. Taburan hujan yang turun memang melampaui keupayaan sistem saliran yang sedia ada. Sistem saliran yang sedia ada hanya direka bentuk untuk ARI 20. Lebih kurang untuk kemampuan 20 tahun yang akan datang tetapi jikalau hujan yang turun ini melebihi ARI 100. Bagaimana sistem saliran yg sedia ada dapat menampung air hujan yang turun ini.

#### ■1440

Memang ada banyak kolam takungan dibina. Ada longkang, parit besar yang dibina tetapi mungkin sudah tiba masanya supaya kementerian juga mengkaji supaya

kita dapat membina ruang takungan, ruang untuk menyimpan air banjir di bawah tanah. Ini kerana memang keadaan di negeri Pulau Pinang tidak mengizinkan supaya kita dapat memperuntukkan lebih banyak tanah. Tanah pun tidak mencukupi untuk membina lebih banyak kolam takungan. Akan tetapi jikalau air hujan dapat disimpan di bawah tanah, mungkin ini adalah satu kaedah penyelesaian untuk masa depan yang akan datang.

Saya juga ingin menyentuh beberapa isu yang berkaitan, di mana kita juga ingin menggunakan kesempatan ini untuk menggesa JKR Pusat supaya dapat menghantar anggota-anggotanya daripada Bahagian Cerun untuk datang ke Pulau Pinang untuk mengakses, untuk menilai, *merecognise* kestabilan cerun-cerun bukit yang sedia ada. Memang ini bukan masalah pembangunan tetapi cerun bukit dengan perubahan iklim sebegini, dengan ancaman cuaca sebegini, memang air akan melimpah dari kawasan bukit. Ini bukan masalah pembangunan sahaja tetapi jikalau air hujan yang melimpah, air bukit yang melimpah ini akan membawa turun tanah-tanah dari bukit juga.

Jikalau air banjir ini berwarna kuning, tidak bermaksud kerana masalah pembangunan tetapi ini juga akan berlaku di negara-negara maju yang lain. Saya juga berharap supaya kita dapat, khususnya di antara projek-projek tebatan banjir yang selalu dibangkitkan adalah RTB untuk Sungai Pinang. Sungai Pinang, di mana RM152 juta peruntukan dijanjikan, diumumkan pada akhir tahun lepas tetapi sampai sekarang projek ini belum dapat dimulakan.

Saya difahamkan projek ini hanya akan bermula pada akhir tahun depan. Kelewatan sebegini akan menyebabkan jikalau ada apa-apa banjir berlaku dalam satu tahun yang akan datang, projek ini tidak akan mencapai matlamatnya seperti yang dijangkakan. Kita juga berharap dengan lebih banyak bantuan daripada Kerajaan Persekutuan, sumber-sumber yang diperlukan dapat disalurkan dengan cepat. Bantuan Angkatan Tentera Malaysia juga dapat dipertingkatkan dan bantuan-bantuan dari negeri-negeri lain, walaupun di bawah pemerintahan Barisan Nasional, kita juga harap kerajaan negeri dapat menggerakkan PBT-PBT mereka untuk datang membantu.

Ini kerana longkang sekarang masih dipenuhi dengan lumpur, tidak senang dibersihkan, tidak senang dikorek dan kita memang memerlukan banyak peralatan dan di mana dari segi kapasiti MBPP atau Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan MPSP, Majlis Perbandaran Seberang Perai memang tidak mencukupi untuk menghadapi situasi sebegini. Jadi, inilah usul yang saya hendak bangkitkan hari ini. Diharapkan dapat sesuatu jawapan yang lebih komprehensif, konkrit daripada Yang Berhormat Menteri,

bila agaknya dengan secepat mungkin peruntukan-peruntukan untuk projek-projek tebatan banjir ini dapat disalurkan?

Kerana ini adalah yang dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat Pulau Pinang. Mereka tidak dapat tunggu lagi kerana memang dalam sebulan yang akan datang ini, ramalan cuaca tidak baik untuk negeri Pulau Pinang. Bukan sahaja untuk negeri Pulau Pinang tetapi untuk wilayah utara, untuk satu Malaysia pun tidak baik. Memang ramalan ini yang tidak baik. Kita tidak boleh tunggu lagi.

Jikalau projek-projek yang telah dirancang masih dalam proses tender dan belum dapat dilaksanakan dengan cepat, saya harap tempoh masa yang diperlukan ini untuk pelaksanaan projek ini dapat dikaji untuk dipendekkan supaya pelaksanaan segera boleh dilakukan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

#### **2.44 ptg.**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dan juga semua yang hadir pada petang ini. Saya ingin mewakili rakyat Pulau Pinang berterima kasih, merekodkan di sini ingin berterima kasih kepada semua jabatan kerajaan baik daripada Pusat dan juga daripada negeri dan juga sukarelawan-sukarelawan dan semua NGO-NGO, individu yang telah membantu dalam negeri Pulau Pinang. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua.

Saya juga ingin merekodkan di sini, di Kamar Khas seorang individu yang begitu penuh dengan kasih sayang yang menghulurkan bantuan tanpa mengira agama dan juga bangsa. Nama beliau adalah Tok Bilal Sapno Tukijo yang melindungi lebih kurang 70 orang bukan Islam di dalam surau kerana pada masa itu walaupun orang bukan Islam rasa sensitif dan tidak ingin masuk ke surau tetapi kerana air pasang terlalu cepat, maka tok bilal melindungi mereka. Inilah satu semangat bangsa Malaysia yang saya rasa kita semua hargai di negara kita ini. Kalau kita masuk ke bab banjir, ia ada tiga fasa. Saya tahu, Menteri mesti tahu. Nombor satu adalah penempatan mangsa fasa pertama. Kedua adalah pembersihan, ketiga adalah pembangunan semula.

Jadi, dari segi penempatan mangsa, saya rasa saya perlu berterima kasih kepada kerajaan, ATM, JPAM dan juga APM, juga bomba dan semuanya. Betul, terima kasih yang membantu semua. Sekarang, keadaan semakin pulih dan masuk ke fasa kedua iaitu pembersihan. Kita seperti Yang Berhormat Tanjong telah cakap bahawa kita

perluan banyak peralatan. Ini memang diperlukan terutamanya bomba juga, tolong bantu kita bersihkan kerana keperluan jet yang sangat berkuasa tinggi.

Ini adalah yang diperlukan. Kenapa Pulau Pinang memerlukan perhatian yang sangat tinggi? Oleh sebab Pulau Pinang adalah nadi kepada eksport *electrical* dan elektronik di negara dan seluruh dunia. 40 peratus daripada global *shipment of microprocessor assembler* adalah dari negeri Pulau Pinang. Eksport E&E negara adalah RM287 bilion satu tahun dan majoriti daripada Pulau Pinang. Kalau RM287 bilion ini ia lebih tinggi daripada bajet negara kita, Kerajaan Pusat, jadi ini merupakan nadi kepada *the global supply chain* dan ia merupakan satu tempat di mana beratus ribu pekerja *high tech* yang bekerja di negeri Pulau Pinang.

Kita perlu belajar daripada Bangkok di mana banjir di Bangkok menyebabkan banyak kilang berpindah ke negara lain. Oleh sebab mereka tidak yakin lagi dengan masalah banjir di Bangkok. Ini kerana mereka tahu bahawa kilang-kilang itu dia kata dia tidak boleh *stop* dia punya *production*, dia kena *production 24 jam, 7 hari seminggu. 24/7*. Jadi, selepas banjir besar di Bangkok, mereka pindah keluar.

Jadi di negeri Pulau Pinang, saya bersyukur kerana ia tidak berlaku. Air tidak masuk ke dalam taman perindustrian. Walau bagaimanapun, ramai pekerja tidak dapat pergi bekerja. Ini masalahnya. Kalau kita tidak menyelesaikan masalah ini, di mana pekerja tidak boleh pergi bekerja dan *all this production* tidak boleh jalan, maka *foreign investor*, dia tidak ada yakin dengan Malaysia.

Maka mereka akan *move out* dan rugi adalah Malaysia kerana RM287 bilion E&E *production* daripada negeri Pulau Pinang. Jadi, saya mohonlah Kerajaan Pusat, terutamanya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, ya Menteri supaya bawa peruntukan untuk menyelesaikan masalah banjir di Pulau Pinang. Ia bukan sahaja di Pulau sahaja tetapi di Seberang.

Sebenarnya, kebanyakan pekerja tinggal di Seberang. Tiap-tiap hari mereka kena datang ke Pulau atau di Batu Kawan atau di zon perindustrian di Seberang Perai untuk bekerja.

#### ■1450

Kalau pekerja kita tidak dapat pergi bekerja, kalau *engineer* kita tidak boleh pergi bekerja, maka *problem supply chain*, ya. Jadi, ini saya memerlukan perhatian yang tinggi. Jadi saya juga minta Kementerian Alam Sekitar dari segi bencana ini dia kena *tackle* tiga E, iaitu:

- (i) *engineering*;
- (ii) *enforcement*; dan

(iii) *education*

*Engineering* saya nampak bahawa infrastruktur parit dan saluran di negeri Pulau Pinang sudah ketinggalan zaman kerana negeri Pulau Pinang dibangunkan sejak tahun 70-an. Parit, apabila saya turun padang, tengok apa masalah bila banjir, saya nampak bahawa parit ini *out*, ia kapasitinya tidak cukup terutamanya dengan *climate change*. Jadi, parit ini perlu *upgrade*, perlu ditukar semula. Ini memerlukan peruntukan daripada Kerajaan Pusat, daripada JKR, daripada JPS.

Kedua adalah *feedback* daripada penduduk adalah masa itu, air sungai sudah mencapai ke tahap yang maksimum. Tidak bolehlah tambah lagi. Ia *overflow*. Maksudnya, ARI 100 tahun ini, ia *all is current infrastructure, all current* sungai dan sebagainya tidak dapat menampung. Jadi, perlu ada penyelesaian yang lebih bagus. Mungkin kita perlukan *smart tunnel* di negeri Pulau Pinang. *Smart tunnel* di Kuala Lumpur boleh menyelesaikan banjir di Kuala Lumpur, Pulau Pinang kerana *the state is so high. There is so much foreign direct investment. So many high tech industries. We need the smart tunnel* di negeri Pulau Pinang juga, ya. Saya minta Menteri kalau boleh, adakan perbincangan dengan Menteri Kewangan.

Jadi, saya juga minta supaya Kementerian Alam Sekitar supaya mengkaji balik MSMA *version 2*. MSMA ia merangkumi semua *design, drainage*, perparitan dan sebagainya. *Drainage* itu kita perlu kaji balik dan saya nampak bahawa dengan *climate change* ini, *the current drainage design* yang semua jurutera, *engineer follow MSMA 2*, dia sudah tidak nampak— perlu dikaji semula, ya. *I think that has to be a rethinking about the capacity* dan juga *the design*, ya. MSMA 2 itu bermaksud *urban storm water management manual, ya, second edition*.

*Enforcement*, saya perlukan kerajaan, JPS untuk buat lebih banyak lagi *enforcement* terhadap pembangunan-pembangunan yang berlaku. Apakah ia punya EIA? Adakah mereka *follow* betul-betul EIA yang telah dicadangkan? Jadi ini adalah tanggungjawab daripada JPS, JKR, dan sebagainya. Kami juga rasa bahawa *the workmanship of the drainage* pun menjadi masalah. Sekarang kita semua *outsource*. Kita beri pekerja-pekerja Bangladesh yang buat, pekerja-pekerja asing buat semua kerja perparitan. *Workmanship* mereka tidak cukup untuk— sangat tidak memuaskan hati. Jadi akhirnya, air tidak boleh mengalir sebab ia tidak mengikut *flow*nya. Ini semua teknikal.

Saya juga minta supaya Kerajaan Pusat— ini adalah Yang Berhormat Menteri, Arau. [*Dewan ketawa*] Kita perlukan peruntukan. Kita tahu setiap tahun ada RM2 bilion

tabung simpanan bencana alam. RM2 bilion tabung simpanan bencana alam ini boleh dikeluarkan. Kita mohon supaya menggunakan. Kalau bukan RM2 bilion, RM1 bilion pun cukuplah untuk menyelesaikan pembersihan, pembangunan semula kerana banyak empangan-empangan yang retak, bahan-bahan yang rosak, perparitan yang telah dimendapkan dengan selut dan sebagainya. Kita perlu *dredging*. *We need to dredg our rivers*, okey. Kita perlu pelbagai— jalan yang rosak, sekolah yang telah rosak...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Bayan Baru. Adakah *contingency fund* tersebut yang RM2 bilion itu boleh sebahagiannya digunakan untuk melaksanakan projek-projek tebatan banjir memandangkan Kerajaan Persekutuan ada masalah dari segi kemampuan kewangan? Minta penjelasan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya nampak bahawa ada keperluanlah kerana RM2 bilion ini adalah *contingency fund*. Sudah bulan 11, okey. Saya rasa—harap-harap, moga-moga tidak ada apa-apa banjir lagi. Akan tetapi sekarang banjir di Pulau Pinang serius. Sudah ada satu keperluan untuk menggunakan Tabung Bencana Alam ini, ya— tabung simpanan. Saya setuju dengan Yang Berhormat Tanjong. Saya masukkan ucapan beliau dalam— dan minta Yang Berhormat Menteri jawab nanti, ya.

Akhir sekali saya minta supaya apabila banjir, ramai yang panik, ramai orang tua yang terkurung. Ada anak-anak kecil yang memanggil untuk *crying for help*. Akan tetapi selalunya kita tidak ada orang di bawah untuk membantu dan kita sebenarnya ada satu unit Pasukan Peronda Sukarela (PPS) di bawah kerajaan tempatan yang begitu efektif semasa dahulu untuk membantu orang-orang semasa kecemasan tetapi diharamkan oleh Kerajaan Pusat. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri berbincang dengan...

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Minta penjelasan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri nanti jawablah, tak apa. [*Dewan ketawa*] Jangan ambil masa saya, Menteri. Ya? Okey? Menteri, tolonglah, berbincang dengan Timbalan Perdana Menteri, ya berilah laluan untuk kita adakan PPS kita. Ia membantu sedikit sebanyak sebab mereka boleh *first*, pergi ke *old folks home* atau pergi ke rumah, *what we call this foster house* dan sebagainya untuk membantu orang yang memerlukan sebab mereka ada hati untuk membantu rakyat. Jadi kita perlu PPS macam ini. Okey, setakat ini daripada saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada tiga minit lagi. Silakan.

**2.47 ptg.**

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih rakan-rakan sekalian yang begitu prihatin kepada kawan-kawan kita yang dilanda banjir di Pulau Pinang. Sebenarnya kebetulan hari Jumaat yang lepas, saya berada di Bukit Mertajam, Pulau Pinang kerana nenek isteri saya meninggal dunia. Cuma pada masa itu saya rasa ketika kita tengah mengendalikan pengebumian nenek saya, masa itu, cuba bayangkan, air pun masuk rumah dan sebenarnya bencana tersebut tidak pernah berlaku sejak mereka pindah ke dalam rumah tersebut, sejak 40 tahun dahulu.

Bagi saya, *feedback* yang saya dapat daripada penduduk setempat, mereka tidak menyalahkan mana-mana pihak dan sebenarnya untuk insiden yang telah pun berlaku di Pulau Pinang, saya rasa seluruh rakyat Malaysia khususnya bagi saya, diri sendiri saya amat menghargai usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga Kerajaan Pusat yang telah pun sama-sama berganding bahu untuk kita sama-sama membantu mangsa banjir. Inilah semangat rakyat Malaysia yang kita sering dan kita haruslah menghargai semangat ini.

Usaha ini perlu diteruskan supaya kita sama-sama memastikan bahawa nasib setiap mangsa terjamin dan sebentar tadi Yang Berhormat Tanjong dan juga Yang Berhormat Bayan Baru telah pun menyebut mengenai permintaan ataupun permohonan mereka terhadap peruntukkan untuk menaik taraf perparitan daripada pihak Kerajaan Pusat.

Saya rasa amat berharap dan saya rasa kita semua di sini amat berharap pihak Kerajaan Pusat dapat melakukan sesuatu untuk memastikan segala yang berada di dalam Pulau Pinang, *in order* dan sama juga dengan beberapa negeri yang sering menghadapi banjir. Saya rasa adalah tanggungjawab untuk kita semua memastikan nasib setiap rakyat kita terjamin. Itu sedikit sebanyak daripada saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab dan selepas itu diikuti dengan Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Berapa minit Yang Berhormat? 15 minit, ya.

**2.49 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** 15 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** 15 minit setiap Menteri, ya. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Minta lima minit, sedikit. Jadi, 20 minit sebab dia tanya panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**■1500**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Pertama, saya ucap terima kasih kerana bawa usul ini. Saya boleh buat penjelasan. Cuma satu sahaja yang kurang, saya berada di Pulau Pinang, banjir pagi. Malam saya suah berada di sana dan saya terus berada di sana. Hari ini pun sewajarnya saya berada di sana tetapi Yang Berhormat buat usul, saya terpaksa balik untuk menjawab sendiri.

Akan tetapi selepas ini saya akan balik ke Pulau Pinang. *[Tepuk]* Saya hendak sebut beberapa perkara. Pertama sekali, saya hendak sebelum saya jawab rasmi ini saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa dalam menghadapi bencana, kita lihat satu suasana harmoni yang luar biasa. Di masa itu, tidak ada pemikiran politik yang berbeza. Yang Berhormat tengok apa yang berlaku di Kuala Krai, di mana perpindahan yang dibuat di masjid terdiri daripada orang Melayu, Cina dan India di Kuala Krai pada tahun 2014. Kalau Yang Berhormat masih ingat.

Saya sebut di Parlimen. Di Pulau Pinang seperti Yang Berhormat sebut surau tadi, sekolah jenis kebangsaan di Bukit Mertajam, saya lupa namanya. Di sekolah tersebut, semua yang duduk di situ adalah majoritinya orang Melayu. Pengetuannya ialah guru besarnya adalah seorang Cina yang memberi layanan yang cukup baik dengan menyediakan kebersihan dan sebagainya.

Ini cukup harmoni. Jadi, suasana harmoni ini kita harap berterusan dan kita hendaklah mengambil iktibar bahawa kadang-kadang pergaduhan yang luar biasa itu lebih merugikan. Akan tetapi hidup harmoni itu lebih menyeronokkan. Nombor satu. Nombor dua Yang Berhormat, saya telah lantik semua Ahli Yang Berhormat menjadi Kolonel Kehormat dan saya minta supaya Yang Berhormat supaya menubuhkan pasukan CDERT iaitu *Civil Defence Emergency Response Team* di peringkat komuniti.

Peringkat komuniti ini makna kata kalau banjir berlaku, mereka sendiri yang respons kepada banjir itu. Itu kita kena tubuh. Makna setiap JKPP dan juga JKKN hendaklah bersama menubuhkan jawatankuasa di peringkat komuniti. Oleh sebab sekarang ini kita ada peringkat negeri, peringkat daerah, peringkat komuniti.

Sepatutnya peringkat komuniti ini telah ditubuhkan lebih awal. Sekarang ini kita sedang menggerakkan penubuhan ini. Kalau Yang Berhormat boleh bantu saya, itulah yang terbaik. Nombor dua. Nombor tiga Yang Berhormat menyebut pasukan peronda sukarela di Pulau Pinang.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Nanti, saya bagi habis ini.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Okey.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Pasukan peronda sukarela di Pulau Pinang, saya jumpa mereka ini. Sepatutnya Yang Berhormat, mereka itu masuk dalam APM. Itu yang terbaik dan apabila mereka masuk dalam APM, jadi mereka boleh bersama dengan CDERT tadi. Dengan itu mereka boleh tolong bersama. Sebenarnya untuk menolong komuniti itu, komuniti sendiri yang harus ada jawatankuasa dan kita akan bagi aset. Kita akan bagi aset, kita akan bagi *forward base*, tempat simpan makanan dan sebagainya.

Terpulang kepada permintaan. Jadi kita ambil iktibar apa yang berlaku. Ke hadapan ini mestilah sebab mungkin ini ialah gelombang pertama di Pulau Pinang. Gelombang kedua kita tidak tahu, gelombang ketiga kita tidak tahu tetapi kita berharap ada penubuhan ini dibuat serta-merta supaya komuniti boleh membantu di antara satu sama lain.

Saya mengetahui apa yang berlaku di Pulau Pinang dan melihat agensi yang respons di peringkat pertama. Saya tahu dan kita lihat sekarang ini, pada hari ini semua NGO, semua sukarelawan rakyat Malaysia berpusu-pusu datang ke Pulau Pinang. Jadi, apa yang disebutkan pada hari yang pertama, hari yang kedua itu, hari ini kita sudah ada berlimpahan apa kekurangan yang berlaku pada hari pertama dan hari kedua, sekarang sudah berlimpahan.

Apa yang berlaku di Pulau Pinang ini cukup luar biasa seperti yang juga berlaku di Kelantan, Terengganu pada tahun 2014 iaitu benda itu berlaku dengan terkejut, dengan segera dan serta-merta sehingga angin yang kencang ini kita hanya memberi amaran bahawa angin kencang. Akan tetapi kita tidak tahu kekuatan angin itu. Tiba-tiba kekuatan angin yang datang itu luar biasa sehinggalah berlaku apa yang berlaku di Pulau Pinang. Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Ingin menyentuh peranan Ahli Parlimen dalam APM. Walaupun kita dilantik sebagai Kolonel Kehormat tetapi sampai sekarang kita tidak dapat membuat sebarang kunjungan atau diberi sebarang penerangan oleh APM. Bagaimana kita dapat memainkan peranan untuk menubuhkan *Emergency Responses Team* di kawasan kita tertentu. Silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat boleh *contact* Mr. Pang. Mr. Pang adalah Pengarah APM Pulau Pinang. Oleh sebab apabila kita jadi Kolonel Kehormat, kita kena belajar mengambil daya usaha. Yang Berhormat kena pergi kepada mereka. Ini kerana dalam kekuatan yang ada sekarang ini, mereka sudah pasti tidak mampu untuk pergi kesemua tempat. Jadi Yang Berhormat pergi kepada mereka. Mereka akan terus serta-merta tubuhkan CDERT di kawasan Yang Berhormat. Tidak ada masalah.

Jadi saya sudah beritahu Mr. Pang, kalau ada mana-mana wakil rakyat sama ada Barisan Nasional, DAP yang meminta untuk menubuhkan CDERT, serta-merta kita bagi pengiktirafan. Sekarang ini pun kalau Yang Berhormat minta daripada saya, saya akan bagi pengiktirafan serta-merta untuk menubuhkan CDERT. Saya rasa tempat yang akan saya sebut di sini tempat yang berlaku banjir di Pulau Pinang, di tempat-tempat perpindahan ini kita kena tubuhkan CDERT.

Yang Berhormat, sebab apa. Ada beberapa tempat yang tidak termasuk dalam senarai perpindahan tetapi mereka pindah sendiri. Macam Sungai Dua, Dewan Besar Sungai Dua, Masjid Al-Amin saya ingat. Masjid Al-Amin tidak termasuk dalam senarai tetapi mereka pindah ke sana dan apabila saya sampai hari yang kedua, mereka kata mereka belum dapat bantuan. Jadi saya tanya mereka, di mana mereka dapat bantuan? Mereka kutip sesama sendiri.

Saya terus menggantikan apa yang mereka telah belanja dan memberi belanja untuk seminggu di hadapan kepada mereka. Jadi kalau kita dimaklumkan di mana mereka berada, kita akan sampai. Saya tinggal nombor telefon saya kepada orang Pulau Pinang. Hari ini telefon saya sudah sesak kerana perkara-perkara baik dan perkara-perkara yang mereka ingin, mereka berkehendakkan.

Cuma Pulau Pinang ini sebab dia tradisi boria dia Tuan Yang di-Pertua cukup bagus. Dia mudah ceria. Walaupun dia susah dua hari yang lepas, apabila saya mari, saya tengok dia cukup ceria. Saya terus mencerikan kehidupan mereka termasuklah anak-anak. Bukan saya tanya, saya kata ini bukan duit raya tetapi saja ini seronok-

seronok supaya budak-budak kita yang sudah berada dua hari, tiga hari di pusat perpindahan dia rasa *boring*. *Hat* yang itulah komuniti tadi, CDERT tadi harus menggerakkan aktiviti mereka.

Bermainlah apa yang patut supaya mereka jangan *boring* berada di sana dan keluarga lesu. Cuma satu yang bagus sebab Pulau Pinang mendapat makanan *fresh*. Bukan pada hari yang kedua di tempat-tempat lain. Hari pertama kita beri sardin tetapi Pulau Pinang hari yang pertama mereka dapat makanan *fresh* iaitu ayam, daging dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, arahan nombor 20 semakan semula dasar dan mekanisme pengurusan bencana negara, Majlis Keselamatan Negara telah menggariskan mekanisme pengurusan bencana secara lebih menyeluruh meliputi sebelum, semasa dan juga selepas sesuatu kejadian bencana.

Arahan ini menggariskan peranan setiap agensi yang terlibat dan agensi ini adalah bertanggungjawab melaksanakan peranan masing-masing sebagaimana yang telah digariskan. Pada masa sekarang Yang Berhormat, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri ialah Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Di peringkat daerah, dipengerusikan oleh pegawai-pegawai daerah dan di peringkat komuniti ada yang ada CDERT, dipengerusikan oleh sama ada APM ataupun JKK dan sebagainya.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pulau Pinang dianggotai oleh 24 agensi yang terdiri daripada polis, bomba, Jabatan Kesihatan, Anggota Pertahanan Awam, JKK, Jabatan Sukarelawan (RELA), Jabatan Kebajikan Masyarakat, JKR, Tenaga Nasional, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pegawai Kewangan Negeri, pihak berkuasa tempatan, Angkatan Tentera Malaysia dan lain-lain lagi. Semua agensi ini sedang bertungkus-lumus dalam memastikan kebajikan mangsa banjir di pusat-pusat perpindahan, usaha mencari dan menyelamatkan, *accessibility* perhubungan pengangkutan jalan raya, kesihatan dan perubatan, sokongan teknikal dan pakar serta kawalan keselamatan.

*Hat* ini saya hendak beri rekod kepada Yang Berhormat supaya Yang Berhormat tahu bahawa ini kedudukan yang berlaku di bawah sana. Polis Diraja Malaysia telah menghantar 542 orang anggota dengan dianggotai oleh kenderaan dan juga kenderaan berat pacuan empat roda dan juga bot penyelamat. Bomba menghantar 371 orang berserta dengan aset. SMART Team menghantar 50 orang berserta dengan aset, jentera berat dan sebagainya.

APM, ini yang terbesar sekali menghantar 630 orang bersama dengan semua peralatan, bantuan perubatan. JKM 291 orang, JKR 31 orang, JPS 107 orang, Pejabat Daerah 74 orang, Kementerian Kesihatan Malaysia 166 orang, RELA 200 orang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang 479 orang, Anggota Tentera Malaysia 345 orang, Setiausaha Kerajaan Selangor mungkin sesama kawan hantar 175 orang, St John 50 orang, Bulan Sabit Merah 50 orang.

#### ■1510

Agensi Pengurusan Bencana Negara melalui Pusat Kawalan Bencana Negara mula memantau keadaan situasi Semenanjung Malaysia setelah amaran cuaca buruk peringkat kuning yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia pada 1 November 2017, di mana hujan berterusan serta angin kencang dijangka berlaku di tempat-tempat seperti berikut:

- (i) Kedah;
- (ii) Perlis;
- (iii) Pulau Pinang;
- (iv) satu daerah di negeri Perak;
- (v) beberapa daerah negeri Kelantan; dan
- (vi) beberapa daerah negeri Terengganu mulai 2 November 2017.

Kita ada beri amaran kuning. Jadi tugas di peringkat negeri sekarang ini bersiaga. Amaran kuning ini akan terjun, pergi kepada merah. Merah bererti ialah satu bencana akan berlaku. Notis amaran buruk ini telah dikeluarkan oleh NDCC ataupun NADMA serta-merta kepada Pusat Kawasan Operasi Pasukan Angkatan Pertahanan Awam dan semua yang terlibat dalam Pusat Kawalan Operasi sebagai langkah siap siaga menghadapi kemungkinan yang boleh berlaku.

Jadi Yang Berhormat, kita telah keluarkan amaran ini, akan tetapi negeri-negeri melihat bahawa itulah kedudukan yang berlaku. Yang Berhormat, semua sekali bantuan ini telah dihantar oleh pelbagai pihak termasuklah NGO dan juga sukarelawan daripada dalam dan juga luar Pulau Pinang seperti IM4U dan lain-lain lagi. Tidak ketinggalan sektor swasta serta orang perseorangan yang membantu dari segi pengagihan bantuan makanan dan keperluan. *Government-Linked Agency (GLC)* seperti Khazanah, melalui Yayasan Khazanah, Malaysia Airlines (MAS), Pharmaniaga, UEM, Axiata, dan institusi lain turut memberi bantuan yang akan diselaraskan menggunakan GLC, *disaster response* dan *relief network* (GDRM).

Pada masa sekarang, kita lihat lambakan bantuan yang diterima daripada pihak yang bermurah hati ini akan diselaraskan oleh NADMA ke pusat-pusat perpindahan. Namun terdapat juga pusat pemindahan yang tidak diwartakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dibuka dan tidak dilaporkan kepada Pusat Kawalan Operasi Bencana. Penempatan mangsa, yang ini Yang Berhormat tengok angka ini pada 7 November, ya.

Sehingga 8 pagi, 7 November, keseluruhan mangsa banjir adalah seramai 7,680 orang, keluarga 1,722 keluarga telah ditempatkan di 71 pusat perpindahan. Sebanyak 40 pusat perpindahan terletak di Seberang Perai Tengah, 21 perpindahan Seberang Perai Utara dan 3 Timur Laut, empat Daerah Barat Daya dan tiga Daerah Seberang Perai Selatan. Kita telah beri kit makanan. Kita beri *collapsible partition* dan juga lain-lain lagi.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, mangsa yang enggan berpindah ke tempat perpindahan, maka kita juga hantar bantuan makanan sekiranya mereka memerlukan. Berhubung dengan kebajikan mangsa-mangsa bencana, ianya terus dijaga dan mereka yang layak akan diberikan wang ihsan bencana tertakluk kepada keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Semua bersedia mengagihkan wang ihsan kepada mangsa bencana dalam masa seminggu, sekiranya kita dapat senarai daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri.

Berhubung dengan calon SPM dan STPM. Kementerian Pendidikan telah mengaktifkan operasi payung dan menggerakkan sumber dan logistik berkaitan dalam memastikan calon dapat menduduki peperiksaan SPM dan STPM dengan tenang dan lancar. Di Daerah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang, sebanyak satu calon SPM telah dipindahkan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Mak Mandin ke Sekolah Menengah Kebangsaan Bagan Jaya. APM, PDRM, bomba, ATM dan lain-lain agensi bersedia menghulurkan bantuan pengangkutan kepada calon-calon SPM yang menghadapi kesukaran peperiksaan. Masalah bekalan air, masalah ini sedang ditangani dengan baik oleh syarikat-syarikat utiliti.

Bagaimanapun, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh berhubung secara terus dengan syarikat-syarikat utiliti sekiranya terdapat masalah utiliti di kawasan masing-masing untuk diperbaiki dengan segera. Pada masa sekarang, angka yang saya beri ini Yang Berhormat, angka ini telah bertambah. Saya tidak tahu sebab apa bertambah, tetapi bertambah daripada 1,722 buah keluarga tadi, sudah bertambah meningkat saya rasa dalam keadaan 2,000 lebih. Saya tidak tahu sebab apa. Walau bagaimanapun, pertambahan ini kita ambil ia sebagai satu cabaran untuk kita hadapinya.

Jadi pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong yang membawa perkara ini, kita akan pertimbangkan dan masukkan dalam arahan MKN yang baru. Sekarang ini, arahan MKN ini dikeluarkan sebelum NADMA ditubuhkan— arahan ini. Akan tetapi sekarang bila NADMA ditubuhkan, jadi kita kena ubah. Dalam MKN itu disebut, MKN menjadi sekretariat di peringkat negeri. Akan tetapi sekarang di peringkat negeri, APM yang jadi sekretariat. Di peringkat daerah, MKN yang jadi sekretariat tetapi dalam arahan baru ialah APM menjadi sekretariat. Itu yang harus kita pinda arahan MKN 20 dan urusan bencana negara diuruskan oleh NADMA.

Tadi saya dapat maklumat daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berhubung dengan sumbangan daripada sebuah negara yang agak banyak untuk kita membeli aset tambahan terutamanya dari segi tilam, khemah dan sebagainya. Ia akan diuruskan dengan baik. Jadi kita lihat bukan sahaja kita mendapat perhatian daripada orang tempatan tetapi negara-negara luar yang melihat Malaysia sebagai kawan mereka bersedia untuk menghulurkan bantuan kepada kita.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, Menteri, saya tadi tanya tentang RM2 bilion Tabung Simpanan Bencana. Bolehkah kerajaan menggunakan separuh daripada itu? RM1 bilion untuk membantu negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, di bawah portfolio saya, kita gunakan dengan sepenuhnya, tetapi bukan RM2 bilion. Tidak sampai RM2 bilion, ya. Akan tetapi kita akan bantu sepenuhnya malah kita sudah keluarkan banyak untuk membantu pengurusan bencana. Yang Berhormat kena ingat saya ini menguruskan bencana, bukan Menteri Bencana, ya. Ini Menteri yang menguruskan, Alam sekitar.

Jadi, menguruskan bencana Yang Berhormat, perpindahan kita. Kemudian, pembelian aset sebagai contohnya, kalau sekiranya ada permintaan *Civil Defence Emergency Response Team* (CDERT), sudah pasti kita akan beli aset tambahan. Yang Berhormat, contohnya macam katalah CDERT di Sungai Dua minta bot tambahan, kita akan beri bot tetapi saya hendak supaya komuniti itu sendiri memohon sebab mereka melihat bahawa banjir ini boleh melanda tempat mereka.

Bagi tempat yang tidak didaftarkan itu bukan kesalahan mereka sebab tempat itu tidak dijangka banjir berlaku, dengan itu, kita pun tidak daftar. Banjir berlaku bukan sahaja di tempat yang diwartakan, tempat tidak diwartakan pun banjir berlaku. Jadi banjir tidak memilih tempat ataupun masa dan juga mangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Menteri, saya difahamkan apabila berlaku banjir di Kelantan, Terengganu dua tahun yang lalu, di Kuala Krai dan sebagainya, Tabung Simpanan Bencana digunakan RM2 bilion untuk membantu mangsa di sana. Jadi di sini, Pulau Pinang sekarang menghadapi masalah yang lebih kurang sama. Mungkin lebih serius lagi. Jadi saya minta supaya apakah prosedur untuk menggunakan, kriteria-kriteria untuk menggunakan RM2 bilion tabung simpanan bencana dan Menteri sebagai Menteri yang membantu bencana ya, bukan Menteri bencana, tolonglah membantu membawakan duit itu ke Pulau Pinang. Bolehkah Menteri, janji itu? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya tidak perlu berjanji Yang Berhormat. Ini tugas saya tetapi duit kita bukan RM2 bilion, ya. Tidak sampai RM2 bilion. Kita telah beri bantuan wang ihsan. Setengahnya kita beri RM500 dan setengahnya terpulang kepada keadaan. Contohnya macam kalau berlaku kebakaran, ia lain sedikit. Ini terpulang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang merupakan pemegang amanah kepada wang ini.

Saya Menteri yang melaksanakan amanah dengan hebatnya, ya. Yang Berhormat, jadi kita telah keluarkan tetapi angkanya tidak sampai tetapi sebab saya hendak menjaga setengah jam ini, saya tidak baca tadi yang teks itu. Jadi bila tidak baca teks itu tetapi saya akan beritahu sekejap lagi, jumlah yang sebenarnya telah dibelanjakan sehingga kini.

Di Pulau Pinang pun, kita Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri arahkan supaya kelmarin, pukul 10 pagi semua nama hendaklah dihantar. Jadi semasa dia sebut semua nama dihantar itu, tiba-tiba berlaku pelonjakan angka keluarga daripada 7,294 meningkat kepada lebih. Ia tidak ada masalah sebab apa, bagi kita ini ialah Pulau Pinang yang kita sentiasa, bukan sahaja Pulau Pinang, negeri-negeri lain juga yang kita akan beri bantuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Wang ini akan dikeluarkan mengikut kriteria yang telah ditetapkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai bangun, ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Bagan Serai, ya, silakan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Banjir ini ia boleh jadi dua sebab.

Satu, faktor-faktor yang boleh elak dan satu faktor yang tidak boleh elak. Apa yang jadi dekat Pulau Pinang ini, yang kita nampak jelasnya adalah perkara-perkara yang tidak boleh dielak. Monsun, hujan lebat berterusan, angin ribut dan mungkin juga *high tide*.

■1520

Akan tetapi perkara-perkara yang boleh dielak, umpamanya saya ada sebut Tuan Yang di-Pertua semalam dalam soalan tambahan MQT semalam, saya ada tanya tetapi tidak ada jawapan yang lebih tepat sebenarnya. Berkenaan dengan faktor tidak boleh dielak. Penebasan, penebangan hutan, penebangan pokok, penghapusan hutan, penarahan bukit, pembotakan bukit yang boleh menyebabkan tidak ada kekuatan untuk sedutan air atau pun penyerapan air yang menyebabkan air banyak. Jadi banjir itu jadi bertambah teruk umpamanya.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, saya hendak ucap tahniah dahulu. Bagus itu, banyak benda yang diberi. Kita memang *colourless* lah, Kelantan kah, Johor kah, mana-mana kalau banjir kita turun tidak kira siapa. Duduklah hendak duduk kat surau kah, nak duduk dekat tokong kah, kat mana kah, kita boleh duduk sebab ini cerita nyawa. Ini pun salah satu daripada *maqasid syariah* juga, hendak jaga nyawa. Hendak jaga nyawa.

Jadi saya hendak tanya tadi, adakah betul-betul SOP bagaimana untuk umpamanya kementerian untuk mengharungi ataupun menyelesaikan masalah banjir di luar jangka ini, yang monsun ini. Itu saya hendak tanya. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sekijang pun bangun belakang. Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekijang ini antara kawasan yang memang boleh dikatakan selalunya berlaku kejadian banjir. Jadi kami ini kalau di Sekijang, apabila melihat kejadian yang berlaku di Pulau Pinang ini, Daerah Segamat ini. Sekijang ini dalam Daerah Segamat, antara kawasan yang memang kalau bulan 11, bulan 12 ini kita sudah bersedia untuk berlakunya kejadian banjir.

Akan tetapi saya hendak ucap terima kasih lah kepada kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri pun turun ke Pulau Pinang dua tiga hari ini untuk melihat kejadian banjir yang berlaku di Pulau Pinang. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah dalam segala persiapan yang telah dilakukan di Pulau Pinang ini, mendapat arahan, baru kita hendak hantar jentera atau adakah apabila berlakunya kejadian, saya lihat macam

bomba, JPAM dan juga agensi-agensi yang lain ini turut sama bantu kejadian banjir di Pulau Pinang ini.

Saya ingat saya hendak sambung kenyataan daripada Yang Berhormat Bagan Serai tadi. Selain daripada bantuan yang kita sudah sediakan. Tadi disebutkan RM2 bilion dan juga peruntukan-peruntukan lain RM150 juta katanya untuk projek tebatan banjir ini, adakah kita perlu juga melihat permasalahan yang berlaku, terutamanya kejadian banjir ini adalah berpunca daripada kelemahan pentadbiran di peringkat negeri ataupun pentadbiran di peringkat daerah itu sendiri? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, masa kita tinggal...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** *Last ya, last.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya. Sekejap ya Yang Berhormat. Mak cik ini, saya minta jumlah itu. Tunjuk sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Kamar Khas ini macam bebas sedikit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Bebas sedikitlah. *[Ketawa]* Yang Berhormat, saya macam kembali di zaman saya dahulu jadi Menteri Besar Perlis, 15 orang anggota Dewan Negeri. Tengok, tengok 15 orang ada di sini, macam teringat-ingat masa yang lalu. Yang Berhormat, pertamanya SOP banjir. Jawapannya mudah Yang Berhormat. Sama ada banjir ataupun tidak banjir, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, daerah dan juga komuniti ini mesti berfungsi.

Jadi kalau sekiranya berlaku apa-apa kemalangan, mereka ini kena berada di barisan hadapan. Setiausaha Kerajaan dan kita tahu di bawah Setiausaha Kerajaan, duduk di bawah Ketua Menteri ataupun Menteri Besar. Pandai-pandailah mereka bawa diri untuk menyelesaikan masalah ini. SOP ini tidak berapa. Apabila berlaku sesuatu malapetaka, ketuanya polis, timbalannya bomba. Jadi selepas itu agensi lain membantu.

Apabila Jawatankuasa Bencana peringkat negeri datang atau peringkat daerah datang, mereka mengambil alih tugas tersebut. Itu tidak boleh itu. Keadaan panik yang berlaku di mana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang memohon daripada tentera dan sebagainya, saya sudah berada di situ dan jentera saya sudah berada di situ. Jadi, tidak ada masalah. Jadi mungkin Yang Berhormat Ketua Menteri

tidak dapat maklumat bahawa kami sudah berada di bawah dan sedang bertungkus-lumus untuk membantu mereka yang menghadapi bencana tadi.

Oleh kerana disebabkan perkara tadi, angin, ribut, hujan dan yang penghabis sekali ialah air pasang besar. Air itu pasang besar tiga hari, maka air darat bertembung dengan air laut, maka terjadilah banjir di Pulau Pinang.

Berhubung dengan Yang Berhormat kes hutan tadi, saya bersetuju. Sayalah pencinta hutan yang cukup luar biasa sebab saya bukan sahaja cinta, saya melawat hutan boleh dikatakan seminggu sekali dan saya sedih tentang apa yang berlaku. Ini kita boleh bincang masa yang lain. Oleh sebab masa ini hak Yang Berhormat.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat Sekijang tadi. Bukan, banjir ini selalu di sana. Saya setiap tahun akan melawat Sekijang, banjir di sana itu sudah jadi macam tradisi. Tidak boleh diubah-ubah lagi kena banjir, kena datang ke sini. Kita lihat apa yang kita laksanakan adalah sebagaimana yang termaktub arahan MKN itu tidak ada masalah. Masalahnya itu mungkin manusia yang menguruskan arahan MKN.

Kalau sekiranya kita sentiasa bersiap siaga, tidak ada masalah. Jadi sekarang ini di samping agensi kerajaan, NGO sekarang ini NADMA telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana peringkat negeri, daerah dan juga komuniti. Dahulu kita tidak masuk NGO. Sekarang NGO masuk secara terus menjadi anggota. Contohnya seperti MERCY, Bulan Sabit Merah, St. John dan sebagainya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sehingga kini duit yang telah kita belanja ialah RM422.4 juta wang ihsan yang telah kita edarkan seluruh negara. Itu duitnya, bukan berbilion. Tidak Yang Berhormat. Campur semua RM422 juta. *Last* sebab...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Last, last.* Satu soalan sahaja. Bolehkah Yang Berhormat Menteri bawa isu Pulau Pinang meminta RM1 bilion wang Tabung Simpanan Bencana okey daripada RM2 bilion yang disimpan itu, RM1 bilion sahaja? Boleh kah Yang Berhormat Menteri jumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya bahawa Pulau Pinang meminta duit itu dibelanjakan untuk pembangunan semula membaiki parit-parit yang rosak, membaiki *dredging* sungai dan sebagainya. Minta mohon Yang Berhormat Menteri jumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Boleh tak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya boleh gulung ya Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya penggulungan Yang Berhormat. Tidak sampai RM2 bilion. Ini wang Tabung Bencana Negara tidak sampai banyak itu, tidak

sampai. Jumlahnya lebih rendah, tidak sampai RM1 bilion pun. Kita ada lebih rendah daripada RM1 juta pun, rendah.

Akan tetapi Yang Berhormat ini akan menjawab berhubung dengan bahagiannya. Saya, saya hendak beritahu hak bahagian saya, pengurusan bencana dan juga sedikit pasca bencana ini akan diuruskan oleh NGO. Akan tetapi dikoordinate oleh NADMA. Yang Berhormat, kita telah menghantar *water jet* dan juga lain-lain peralatan dan mengerahkan NGO supaya bersama-sama membersihkan rumah-rumah dan juga dalam kes yang tertentu Yang Berhormat ada seorang wanita Tionghoa duduk termenung dan menangis sepanjang masa.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jumpa dia. Dia kata barang dia semua habis, hancur semua. Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *concern* dan beritahu kepadanya bahawa selepas banjir nanti, kita akan uruskan benda itu. Itu sebagai contoh di mana kepimpinan cukup prihatin tentang masalah yang berlaku. Berhubung dengan duit itu Yang Berhormat, keperluan pengurusan bencana tidak ada masalah, infrastruktur, dia.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Bajet RM2 bilion. Mana tabung?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tidak. Kami dalam tabung simpanan bencana tidak sampai jumlah itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tidak, tidak. Dalam bajet, Perdana Menteri kata memang ada RM2 bilion disimpan untuk segala musibah kah, bencana alam dan sebagainya. Memang ada RM2 bilion. Dalam bajet kita boleh bawa buku bajet. Jadi, minta Yang Berhormat Menteri berbincang. Bukan duit kementerian Yang Berhormat Menteri tetapi bajet, daripada bajet disimpan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Akan diuruskan dengan hebatnya. Akan tetapi walau bagaimanapun...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri jumpa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bincangkan tentang isu ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Sudah jumpa.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sudah jumpa? Boleh bagi RM1 bilion?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Sudah jumpa. Jadi Yang Berhormat dalam penggulungan saya nanti, sedikit lagi saya jawab.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Akan tetapi saya akan gulung dahulu Yang Berhormat duduk di sini ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya bagi 10 minit.

**3.29 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, 10 minit? Sudah. Okeylah kementerian kita pun NRE juga turut melahirkan rasa sedih dan dukacitalah, sama lah. Akan tetapi kita terima hakikat bahawa sebenarnya itu adalah satu *disaster*. Purata hujan yang turun pada kali ini adalah 250 milimeter (mm) bagi tempoh 24 jam dan melebihi kategori hujan, amat lebat iaitu 150mm sehari. Purata tempoh ulangan atau ARI bagi negeri Pulau Pinang adalah melebihi 100 ARI. Kita juga sedia maklum pada masa itu dengan izin, *layman term* mengatakan bahawa feri juga tercampak ke daratan. Maksudnya paras laut tinggi. Kalau paras laut tinggi dengan sebab gelombang, dengan sebab *high water tide*. So, apa yang kita boleh jangkakan untuk semua air yang berada dalam sistem saliran keluar ke laut. Satu perkara.

■1530

Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan keadaan kejadian banjir yang telah lama dikesan, sebenarnya Pulau Pinang telah pun mendapat RM1.04 bilion dibelanjakan dalam RAMKe-9 hingga RMKe-11. Manakala Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang telah diluluskan dengan jumlah kos keseluruhan berjumlah RM150 juta (RMKe-11: 2017-2020) dijangka akan mula dilaksanakan pada tahun 2018.

Sebenarnya, sekarang kita sedang dalam proses memuktamadkan kontraktor. Saya juga perlu sebut di sini bahawa kajian menyeluruh, kajian kemungkinan semula, menyeluruh tentang suasana atau pun keadaan sedia ada perlu juga diambil kira iaitu pertama, sudah tentulah perubahan iklim yang menyebabkan pola hujan atau pun pola taburan hujan yang telah berubah dari segi jumlahnya, dari segi keamatannya dan lain-lain, juga dari segi kesan daripada pembangunan di Pulau Pinang yang kepada saya juga sangat luar biasa.

Ini di antara perkara-perkara yang perlu juga diambil kira. Oleh yang demikian, bagi mengurangkan kejadian banjir di kawasan yang telah siap dilaksanakan projek tebatan banjir dalam RMK, Rancangan Malaysia sebelum ini, Kementerian ini melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) akan mengkaji semula tahap perlindungan atau pun *protection level* yang diambil kira dalam reka bentuk sesuatu

projek yang bakal dilaksanakan. Bagi kawasan-kawasan yang belum dilaksanakan projek RTB pula, NRE atau kementerian akan membuat permohonan dalam *Rolling Pelan Rancangan Malaysia* berikutnya.

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri juga perlu beri perhatian utama dan pastikan setiap projek pembangunan mengikut syarat yang ditetapkan sebelum diluluskan. Manakala pemaju-pemaju juga perlu mematuhi segala peraturan dan tidak mementingkan keuntungan sahaja, sebaliknya mestilah mengambil kira kesan kepada alam sekitar. Selain itu, kerajaan negeri juga turut bertanggungjawab dalam menyelenggara secara berkala sistem perparitan sungai.

Tadi disebut juga tentang MSMA. MSMA sebenarnya boleh mengambil kira, (Manual Saliran Mesra Alam Malaysia) boleh mengambil kira semua keadaan pola-pola hujan. So, bagaimana kita hendak mengaplikasikan MSMA itu sahaja. Tidak timbul soal sistem takungan di dalam dan sebagainya. Dia boleh mengambil kira semua sekali. Yang penting ialah bagaimana MSMA itu dilaksanakan.

Selain juga, MSMA memperkenalkan pelan kawalan hakisan dan kelodak (ESCP) di mana kawalan hakisan dan kelodak semasa kerja-kerja tanah dilakukan, sama ada untuk pembangunan, perlombongan, pertanian dan pembalakan. Ini satu perkara yang semua sedia maklum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Bagan Serai Bangun.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Sekejap, sekejap, masa tidak cukup. Sekejap, sekejap. Sebab itu kalau kita tengok, bila berlaku banjir di mana-mana pun termasuk Pulau Pinang, saya tengok dalam gambar, lumpur masuk dalam rumah kerana lumpur datang daripada aliran hujan, kesan daripada hakisan dan kelodak. Ini juga mesti ada sistem yang telah diperkenalkan dalam MSMA. Sekejap ya.

Satu perkara lagi, sebut pasal sampah sarap. Masyarakat, ini mentaliti masyarakat dan pengusaha-pengusaha tempatan diingatkan agar tidak membuang sampah sarap dalam sistem perparitan dan sungai yang akan menyebabkan halangan aliran air. Maknanya perkara-perkara itu yang menyebabkan keadaan bertambah parah atau pun bertambah buruk, selain daripada faktor hujan yang banyak, yang luar biasa 250mm sehari, faktor ribut menyebabkan gelombang tinggi, paras air laut meningkat dan sebagainya.

Tentang Sungai Pinang ya, dia antara projek yang selalu menjadi sebutan adalah Sungai Pinang. Saya sebut tadi, kontraktor dalam proses muktamad untuk

dilantik dan saya suka memaklumkan di sini iaitu projek tersebut terpaksa dilihat semula secara keseluruhan kerana dua perkara penting.

Pertamanya ialah perubahan iklim. Keduanya pembangunan yang pesat dan reka bentuk baru terpaksa dilihat semula dan projek ini akan mengambil kira semua dapatan daripada kajian kemungkinan ke atas hujan yang turun pada masa akan datang dan juga keadaan muka bumi yang sedia ada, termasuk kesan daripada pembangunan yang saya gunakan *term robust* yang berlaku di Pulau Pinang yang dapat kita saksikan. Ya, setengah minit sahaja.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya difahamkan projek RTB Pulau Pinang fasa ke-3 itu RM150 juta memanglah sedikit. Sebenarnya RTB ini, kalau kita tak cukup duit dia jadi kerja, "*Melepaskan batok di tangga*" sahaja. Jadi, saya difahamkan RM1 bilion diperlukan. Adakah kerajaan bersedia RM1 bilion ini untuk semua ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, sedikit lagi. Menteri, bukan sahaja Sungai Pinang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja di Sungai Pinang. Sebenarnya kali ini, ia meluas, merata tempat termasuk SPU, SPS, SPT. Termasuk juga Daerah Barat Daya, di mana Bayan Baru adalah Barat Daya. Dua tahun yang lalu, saya telah minta bantuan daripada kementerian, sudah tulis kepada Menteri, minta peruntukan untuk projek tebatan banjir di Bayan Baru. Akan tetapi Menteri tidak respons tidak ada duit dan sebagainya.

Jadi, saya menyeru kementerian NRE, jangan *look at* Sungai Pinang sahaja. Banyak tempat dan perlu perhatian yang sepenuhnya, terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** masa tidak cukup, minta maaf. *Last* sekali, akhir sekali saya hendak sebut ialah pihak JPS telah membentangkan kepada YAB Perdana Menteri, yang dari segi jangka panjang, 13 projek besar dan kecil telah dikenal pasti dalam jumlah dana yang diperlukan untuk melaksanakannya lebih kurang RM1 bilion. Saya boleh sebut di sini, RTB di Teluk Kumbar, RTB Teluk Bahang, RTB Pondok Upih, RTB Sungai Junjung, RTB Parit Empat, RTB Raja Uda, RTB Sungai Kecil, RTB Kawasan Perindustrian Perai, RTB Lembangan Sungai Perai, RTB Lembangan Sungai Juru, RTB Lembangan Sungai Jawi, RTB Bayan Lepas dan tadi saya ulas RTB Sungai Pinang termasuk juga mungkin Bayan Baru, kalau tertinggal.

Kesemuanya akan mengambil kira juga dua faktor utama tadi yang saya sebut, perubahan iklim dan juga pembangunan yang pesat di seluruh negeri Pulau Pinang. Itu yang saya hendak sebut, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli yang berhormat, masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) ini dan yang demikian, saya tutup perbahasan ini.

**UCAPAN DI BAWAH USUL**  
**BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M.17)**

**Pencemaran Udara Akibat Perlepasan Habuk Simen  
oleh Kilang Simen Tasek, Ipoh**

**3.29 ptg.**

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Pada pagi 27 Oktober 2017, penduduk-penduduk di sekitar Kilang Simen Tasek telah terkejut apabila mendapati bahawa keseluruhan kawasan kediaman mereka telah mengalami pencemaran udara yang serius akibat perlepasan habuk simen oleh kilang simen tersebut pada waktu malam. Antara kawasan-kawasan yang mengalami pencemaran udara yang teruk adalah Taman Westpool, Taman Kim Fah, Star Park, Taman Kinta serta Kampung Kepayang.

Akibat daripada pencemaran tersebut, penduduk-penduduk sekitar telah mengalami masalah kesihatan dan juga kerosakan di mana kereta-kereta dan kawasan rumah masing-masing telah diliputi oleh lapisan habuk simen yang tebal. Pemilik-pemilik kereta telah menghantar kereta mereka masing-masing untuk dicuci dan dibersihkan, malangnya, habuk simen telah melekat pada cat-cat kereta mereka dan tidak dapat dibersihkan.

Tuan Yang di Pertua, masalah yang diadukan di sini bukan berlaku buat pertama kali, malah pada 8 Oktober 1973, masalah ini telah dibawa oleh Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Bandar Melaka pada ketika itu agar Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengambil langkah yang sewajarnya untuk menyelesaikan masalah pencemaran yang serius ini. Namun begitu, pencemaran udara yang disebabkan oleh Kilang Simen Tasek ini tetap berlaku dan aduan yang dikemukakan oleh orang ramai sehingga hari ini tidak mendapat sebarang yang memuaskan. Saya difahamkan bahawa setiap kali pencemaran yang dilakukan oleh kilang simen ini, tindakan yang diambil oleh pihak kementerian dengan denda dari segi kewangan sebanyak RM2,000 yang mana adalah amaun yang terlalu rendah dan bukan *punitive*, dengan izin.

Justeru itu, saya ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian mengenai jumlah aduan-aduan pencemaran udara yang telah diterima oleh pihak kementerian

sejak kilang simen ini ditubuhkan. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil dan jumlah denda yang dikenakan oleh kementerian terhadap kilang simen untuk menyelesaikan aduan-aduan yang telah diterima sebelum ini.

Saya juga bagi pihak penduduk, ingin meminta satu *stop work order interim*, dengan izin, dikeluarkan oleh kementerian terhadap kilang simen ini sehingga satu penyelesaian muktamad dapat diberikan oleh kilang simen dan jaminan agar pencemaran tidak akan berlaku lagi. Saya juga minta satu laporan alam sekitar '*environmental report*' berkenaan dengan kesesuaian lokasi tapak kilang simen ini dijalankan demi kesejahteraan dan keselesaan penduduk-penduduk sekitar. Sekian, terima kasih.

■1540

3.40 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar, sebanyak dua aduan diterima pada tahun 2017 yang berpunca daripada Kilang Simen Tasek atau Tasek Operation Berhad di Ipoh. Hasil daripada siasatan Jabatan Alam Sekitar mendapati bahawa pada tarikh 27 Oktober hingga 29 Oktober 2017 tahap kepekatan habuk yang dicatatkan didapati melebihi paras standard yang ditetapkan iaitu 50mg/m<sup>3</sup>.

Pencemaran udara tersebut adalah akibat daripada pelepasan habuk, simen dari proses kilang yang dikatakan telah menjejaskan kediaman berdekatan iaitu penduduk-penduduk di Taman Westpool, Taman Kim Fah, Star Park, Taman Kinta serta Kampung Kepayang.

Berdasarkan siasatan yang dijalankan, punca pencemaran adalah disebabkan oleh kegagalan alat kawalan pencemaran udara iaitu *electrostatic precipitator* (EP) yang berfungsi untuk menapis habuk untuk *cooler stack kiln 3* didapati tidak beroperasi secara normal akibat gangguan bekalan elektrik ataupun *tripping*.

Keadaan luar jangka ini telah mengakibatkan pelepasan yang melepasi had Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 2014 dalam tempoh tidak melebihi 24 jam. Tindakan serta-merta daripada pihak kilang juga diambil bagi meminimumkan kesan pencemaran yang dilepaskan. Susulan pemeriksaan kepada *Continuous Emission Monitoring System* (CEMS) telah menunjukkan bahawa bacaan kembali normal dan mematuhi had yang telah ditetapkan iaitu di bawah 50mg/m<sup>3</sup>.

Pihak kilang telah dikenakan tindakan dua notis arahan dan juga tiga tawaran kompaun bagi pelbagai kesalahan termasuk kegagalan pematuhan kepada kawalan

pencemaran. Pada masa ini, pihak jabatan masih memantau pelaksanaan kepada notis arahan yang dikeluarkan kepada kilang.

Tindakan sehingga mengenakan *stop order* yang diperuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 2014, boleh dilakukan sekiranya pihak kilang gagal mematuhi notis arahan melalui prosedur standard yang telah ditetapkan.

Bagi memastikan kejadian ini tidak berulang, Jabatan Alam Sekitar sedang menimbangankan untuk mengarahkan pemasangan alat kawalan pencemaran udara yang kurang bergantung sepenuhnya kepada bekalan elektrik iaitu “sistem siklon” dan “*back filter*” bagi menggantikan sistem sedia ada seperti yang digunakan sekarang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Khamis, 9 November 2017.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.43 petang]***